

# LEE RASMI SIDANG MENLU ASEAN

SINGAPURA, Ahad — Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew akan merasmikan persidangan ke-15 para Menteri Luar Asean di sini esok.

Persidangan kali ini dijangka mengutamakan soal-soal ekonomi di samping isu politik serantau khususnya masalah Kampuchea dan keadaan politik keseluruhannya di Indo-China.

Menurut para pemerhati, tumpuan lebih berat Asean terhadap soal ekonomi kali ini mencerminkan kesungguhan negara-negara anggota Persatuan Serantau itu dalam memastikan kemelesetan ekonomi dunia masakini tidak menggugat perkembangan Asean.

Dalam hubungan ini, para Menteri Luar Persatuan Serantau itu akan membincangkan dengan panjang lebar usaha menghidupkan semula sistem perdagangan bebas khususnya mengenai dasar perlindungan negara-nega-

ra maju.

Asean berhasrat menjadikan cita-cita murni ke arah mewujudkan sistem berkenaan sebagai satu kenyataan dan tidak sebagai janji manis negara-negara maju sahaja.

## Sokongan

Menurut seorang pegawai kanan perwakilan Malaysia, mesyuarat pegawai kanan Asean (SOM), cadangan Malaysia agar sistem perdagangan bebas dihidupkan kembali dalam erti kata sebenarnya telah mendapat sokongan penuh dari negara-negara anggota yang lain.

Beliau menambah, kesungguhan Asean dalam menghidupkan semula sistem berkenaan akan dapat dilihat dari isi kandungan pernyataan bersama di akhir persidangan peringkat menteri.

Malaysia akan diwakili oleh Menteri Luar, Tan Sri Ghazali dijadual tiba di sini pagi esok.

Rakan-rakan sejawatnya yang lain terdiri dari

Encik Carlos Romulu (Filipina), Prof. Mochtar Kusumaatmadja (Indonesia), Ketua Marsyal Udara Siddhi Savetsila (Thailand) dan Encik S. Dhanabalan (Singapura).

Mengenai isu Kampuchea, para pemerhati berpendapat Asean tidak akan mengemukakan sebarang cadangan baru kerana ia mahukan syorsyor yang telah dikemukakan sejak beberapa tahun lalu benar-benar mendapat perhatian wajar dari semua pihak terutama Vietnam.

## Krisis

"Encik Dhanabalan sendiri menegaskan bahawa sekarang terpulanglah kepada Vietnam untuk menyahut cadangan itu dan Asean boleh bersabar menunggu.

"Menteri Luar Singapura itu yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Asean juga menegaskan bahawa adalah tidak wajar bagi Persatuan Serantau ini

mengemukakan cadangan baru kerana ia telahpun membuka banyak pintu rundingan di masa lalu, jelas pemerhati itu lagi.

Dalam hubungan ini, Asean masih lagi berharap ura-ura penubuhan kerajaan campuran di Kampuchea sebagai jalan keluar terhadap krisis Kampuchea akan terlaksana.

Buat masa ini, Asean berpendapat cadangan penubuhan kerajaan campuran itu merupakan penawar paling mujarab dalam menyelesaikan krisis tersebut.

Mengenai dialog dengan negara pckongsi ketiga, yang bakal diadakan selepas persidangan peringkat menteri itu, Asean agak kecewa dengan kegagalan Setiausaha Negara Amerika, Encik Alexander Haig untuk menghadiri dialog antara negaranya dengan Asean.

Encik Haig dilaporkan tidak dapat menghadiri dialog itu kerana beliau terpaksa menghadiri

satu persidangan tertinggi mengenai bidang ketenteraan dengan Soviet Union.

Para pemerhati selanjutnya berkata, Asean inginkan peranan dialog dengan neara-negara pckongsi ketiga benar-benar dapat mendatangkan kesan kepada masyarakat antarabangsa dan tidak seolah-olah tergantung seperti sekarang.

## Dialog

Asean berpendapat dialog itu tidak dapat mencapai hasrat yang dicita-citakannya kerana Encik Haig tidak dapat hadir, tambah pemerhati itu lagi.

Beliau menambah, Asean juga sehingga ini masih berharap supaya India akan dapat menghadiri dialog tersebut sejajar dengan dasar "pandang ke timur" negara-negara Persatuan Serantau itu.

India sehingga ini diberitakan tidak akan menghadiri dialog tersebut kerana sebab-sebab tertentu.